



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	IMTAS UBAH LANDSKAP TERNAK UDANG KOMERSIAL, PENDIDIKAN, BH -23	LAIN-LAIN
2.	TINGGALKAN GAJI BESAR, SIDDIQ KINI PENTERNAK AYAM BERJAYA, BISNES, SH -40	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

IMTAS ubah landskap ternak udang komersial

**Prototaip
dibangunkan
dengan kos
RM150,000
mampu tingkat
pengeluaran**

Oleh Amirul Hassan
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Terengganu: Secara umum industri ternakan udang negara masih bergantung kepada penggunaan kolam tanah

secara konvensional. Bagaimanapun sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya membangunkan sistem penternakan udang komersial yang dijangka berupaya meningkatkan tahap pengeluaran sekali gus mengekalkan kestabilan pasaran udang dalam negara.

Prototaip sistem berkenaan yang dinamakan *Indoor Multi-Tachro Aquaculture System* (IMTAS) dibangunkan dengan kos sebanyak RM150,000. Sistem itu dijangka mampu meningkatkan kecekapan operasi dengan pemantauan secara minima.

Ketua penyelidik IMTAS, Prof Madya Nor Azman Kasan, berkata IMTAS mengaplikasikan sistem



Wakil UMT dan SERANDU menunjukkan dokumen perjanjian ketika majlis menandatangani MoU.

aknakultur peredaran semula atau *Re-Circulating Aquaculture System* (RAS) dan teknologi biofloc yang membabitkan bahan organik hidup terapung.

"Selain itu ia membabitkan penggunaan internet untuk pemantauan kualiti air secara lebih sistematik.

"Ta juga turut menggunakan ternakan rumput laut atau lebih dikenali sebagai latok (*Caulerpa sp.*) dalam sistem tertutup sebagai salah satu sistem ternakan polikultur atau kegiatan pertanian membabitkan penanaman pelbagai jenis tanaman di satu kawasan bersama-sama ternakan udang marin," katanya.

Tegas Nor Azman, secara tidak langsung sistem ini akan dapat

menjana pulangan yang lebih lumayan berbanding kaedah monokultur. Namun satu spesies tanaman (monokultur).

Sistem ternakan komersial

Menurutnya, sistem yang sedang dibangunkan itu adalah kaedah ternakan udang marin *super-intensif* yang menggabungkan beberapa teknologi lain.

Di antaranya teknologi proses sembiotik Rapid biofloc (Rapid BF/TM) yang berteraskan teknologi mikroba (bakteria) bagi sistem kawalan kualiti air.

"IMTAS juga boleh diaplikasikan pada kawasan kawasan ternakan secara maksima sesuai bagi ternakan udang marin pada skala komersial.

"Kecekapan sistem kawalan kualiti air hasil gabungan inovasi dan aplikasi *internet of things* (IoT) memudahkan pengusaha mengurus dan menyelia ternakan udang berskala besar disamping penggunaan air yang sedikit berbanding kaedah terdahulu.

"Kaedah ini juga berupaya meminimumkan kadar kematian udang dengan pemantauan berterusan dan cekap. Ia juga mengurangkan jangkitan patogen dari sumber air baharu yang masuk secara berterusan akibat penyakit bawaan air," katanya.

Selain itu, katanya sistem yang bakal diperkenalkan itu juga boleh dipantau secara jarak jauh iaitu melalui aplikasi telefon pintar.

21/11/2022

SINAR
HARIAN

BISNES

40

Tinggalkan gaji besar, Siddiq kini penternak ayam berjaya

Rancang tingkatan kapasiti 10,000 ekor ayam sebulan penuhi permintaan setempat

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
MERSING

Tekad seorang pemuda meninggalkan kerja tetap dengan gaji besar di Subang Jaya, Selangor dan pulang ke kampung untuk mengusahakan ternakan ayam di Kampung Makam dekat sini, ternyata membuahkan hasil.

Muhammad Siddiq Mohd Sokran, 27, tidak pernah lagi menoleh ke belakang apatah lagi menyesal dengan keputusan yang dibuatnya kira-kira empat tahun lalu itu.

Muhammad Siddiq mula mengusahakan ternakan ayam pada 2019 dengan modal daripada wang simpanannya berjumlah RM25,000 melibatkan 300 ekor ayam pada permulaan sebelum menjual ayam yang sudah siap diproses.

"Selepas itu perniagaan semakin berkembang dan kini saya mempunyai tiga reban ayam. Semua ayam yang telah diproses ini saya hantar ke pasar dan kedai-kedai sekitar Mersing dan Pulau Tioman sahaja.

"Bekalan ayam dihantar ke Mersing dan pulau tersebut kerana saya tidak dapat membekalkan ke tempat lain kerana bekalan sedia ada tidak mencukupi," katanya ketika dihubungi.

Anak bongsu daripada lima beradik itu kini berjaya men-



Muhammad Siddiq menunjukkan ayam yang diternak dalam tiga reban belakang rumahnya di kampung Makam, Mersing.

dapat pulangan sekitar RM10,000 hingga RM15,000 sebulan, empat kali ganda lebih banyak daripada gaji yang pernah diterima ketika makan gaji dahulu.

Dia yang dibantu tiga pekerja ketika ini, merancang untuk membesarkan lagi ternakan ayam yang ada kerana seekor kapasitinya sekitar 4,000 ekor sahaja dan berharap dapat ditambah.

Dia yang baru mendirikan rumah tangga, merancang untuk menambah kapasiti sehingga 10,000 ekor ayam dan membuka rumah penyembelihan sendiri pada masa hadapan.

Menceritakan cabaran se-

panjang mengusahakan ternakan ayam, dia pernah berdepan dengan kematian semua 4,000 ekor ayam ketika mula mengusahakan ternakan tersebut.

Jelasnya, semua ayamnya mati akibat serangan penyakit namun cepat bangkit dan tidak mengalah malah menjadikan kejadian tersebut sebagai pengajaran.

"Saya anggap itu sebagai cabaran. Apa yang berfaku membuatkan saya lebih berhati-hati dan berwaspada dalam memastikan semua ayam saya dalam keadaan baik dan sihat.

"Saya banyak mengikuti kursus dan mencari ilmu dari pen-



Tiga pekerja membantu Muhammad Siddiq menyediakan ayam yang siap diproses sebelum dihantar ke pasar dan kedai sekitar Mersing dan Pulau Tioman.

di reban saya. Bahkan ayam saya juga pernah mencecah 2 kilogram seekor dengan mengamalkan kejut mereka makan pada waktu malam setiap dua jam sekali," katanya lagi.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini turut menguji perniagaannya apabila harga dedak untuk makanan ayam melambung dan kos pula menjadi berganda.

Keadaan tersebut katanya, menyukarkannya untuk menstabilkan perniagaan tetapi bersyukur kerana dapat keluar daripada permasalahan itu dan meneruskan ternakan ayam.

Selain tempahan diterima di sekitar Mersing dan Pulau Tioman, Muhammad Siddiq turut menjual ayam dari rumahnya untuk pasaran setempat dan kawasan berdekatan.